
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

*Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2009/2010*

November 2009

EUT201 TEKNIK BERFIKIR

Masa : 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** mukasurat bercetak dan **TIGA (3)** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **DUA (2)** soalan. Bahagian A **WAJIB** dijawab. Bahagian B pilih **SATU (1)** soalan sahaja.

Pelajar menjawab soalan dalam Bahasa Malaysia.

Setiap soalan mestilah dimulakan pada mukasurat yang baru.

Bahagian A. WAJIB dijawab.

1. Masalah pencemaran air laut di Malaysia telah merungsingkan banyak pihak. Tumpahan minyak daripada kapal, sisa buangan daripada kilang, hasil buangan sampah sarap daripada orang awam, pengawasan yang lemah oleh agensi berkenaan adalah di antara faktor yang telah meningkatkan kadar pencemaran ini. Adakah ini betul atau salah? Dengan menggunakan **Tiga (3)** alat berfikir yang bersesuaian . Beri rumusan yang sesuai mengikut komen dan cadangan yang akan di berikan.

(50 markah)

Bahagian B. Pilih **SATU (1)** soalan sahaja.

2. Pada tahun 2008, Universiti Sains Malaysia telah dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menerajui program pemacuan untuk kecemerlangan (APEX) bagi meletakkan sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia tergolong dalam 50 universiti terbaik di dunia menjelang 2020. Adakah Program APEX yang diwujudkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi boleh membantu USM menjadikan diantara 50 universiti terbaik dunia sedangkan USM masih lagi terikat dengan syarat-syarat kementerian dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam. Komen mengikut kesesuaian Cara Berfikir dengan penggunaan 4 topi. Buat rumusan daripada ulasan yang diberikan.

(50 markah)

3. Program Pengajaran Teknik Berfikir ini dikatakan dapat membantu pelajar memahami teknik berfikir agar pelajar lebih peka dan bersedia dalam apa jua rintangan dalam kehidupan baik akademik dan sosial. Adakah betul ini dapat membantu dan bagaimana? Beri ulasan dan komen dalam bentuk **Dua (2)** Gaya berfikir yang bersesuaian.

(50 markah)

~ ooo000ooo ~